

Bila kabinet dirombak

# Harapan UMNO Perak pada Dr. M

**IPOH, Khamis —** UMNO Perak menaruh harapan penuh, ada antara wakil-wakil Parlimennya dinaikkan pangkat dalam rombakan Kabinet baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad nanti.

Sejak pengunduran bekas Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Ramli Omar, Perak hanya mempunyai Encik Idris Rauf sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Perusahaan Awam.

Ahli Parlimen Grik, Encik Mohd Tajol Rosli Tan Sri Ghazali disebut-sebut sebagai layak diberi kesempatan menduduki Kabinet.

Belliau lulusan ekonomi dari unversiti Australia adalah ahli Parlimen yang paling "senior" di kalangan muka-muka baru termasuk, Encik Idris yang dikemukakan sebagai calon UMNO dalam pilihanraya umum lalu.

Encik Mohd Tajol Rosli sebelum itu mewakili kerusi Dewan Undangan Kenering yang belliau menang dalam pilihanraya kecil penghujung tahun 1977 sebaik saja perletakan jawatan bekas Menteri Besar, Senator Tan Sri Ghazali Jawi.

UMNO Perak begitu terkilan apabila nama Encik Mohd Tajol Rosli terkeluar dari senarai rombakan Kabinet Datuk Hussein Onn yang lalu, walaupun ahli Parlimen

Grik itu diramal akan dilantik sebagai seorang Setiausaha Parlimen.

Pemerhati politik UMNO di sini berpendapat, walaupun Encik Idris masih menghadapi krisis dalam bahagiannya — Parit Buntar — tetapi peluang belliau dinaikkan ke jawatan Timbalan Menteri tidaklah mustahil.

Seorang lagi calon Perak yang boleh dicuba menduduki Kabinet ialah Encik Kamaluddin Maamor, Ahli Parlimen Hilir Perak. Sebelum aktif dalam politik belliau ialah seorang peguam.

Sumber-sumber UMNO Perak melahirkan harapan, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri tidak mengeneppikan harapan mereka dalam rombakan yang akan belliau buat kelak.

Senator Tan Sri Ghazali setakat ini merupakan satu-satunya wakil UMNO Perak yang pernah dilantik menjadi Menteri Kabinet. Seorang lagi bekas Menteri Besar, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa, pada satu ketika pernah dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebelum memegang jawatan belliau sekarang sebagai Duta Besar ke Arab Saudi.

Datuk Seri Dr. Mahathir dijadualkan membuat rombakan itu sebaik sahaja belliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri dari Datuk Hussein pada 16 Julai ini.